

KEDAI BUKU KOPERATIF BHD.
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-10

Jumaat, 16 Disember, 1983, jam 4.45 petang

di Dewan Kuliah G,

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

13

Lim Huck Tee
Perpustakaan
USM

KEDAI BUKU KOPERATIF BHD.
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

MEMORANDUM

Kepada: Semua ahli Kedai Buku Koperatif Bhd.,
Universiti Sains Malaysia

Daripada: Setiausaha
Lembaga Pengarah
Tarikh: 11 November 1983

s.k. Pengarah
Jabatan Pembangunan Koperasi Negeri
Pulau Pinang

Ini ialah untuk memaklumkan bahawa mesyuarat Agung Tahunan Kesepuluh akan diadakan pada hari Jumaat, 16 Disember, 1983 jam 4.45 petang di Dewan Kuliah G, Universiti Sains Malaysia.

AGENDA

1. Minit mesyuarat yang lalu

Mesyuarat akan mengesahkan minit Mesyuarat Agung Tahunan Kesembilan yang telah diadakan pada 4 Februari, 1983 (Lihat Lampiran A).

2. Laporan tahunan

Mesyuarat akan menimbang dan meluluskan Laporan Tahunan Lembaga Pengarah bagi tempoh 1 Mei 1982 - 30 April 1983 (Lihat Lampiran B).

3. Akaun tahunan

Mesyuarat akan menimbang dan menerima:-

- (i) Lembaran imbangan, akaun untung-rugi dan nota-nota kepada akaun bagi tempoh 1 Mei 1981 - 30 April 1982 (Lihat Lampiran C(i)). Kira-kira ini telah diluluskan oleh Ketua Pendaftar Koperasi-Koperasi Malaysia melalui

suratnya KOOP.(AUDIT)IP:3165/5/(55) bertarikh 3 Februari 1983. Pandangan dan ulasan Ketua Pendaftar adalah seperti berikut:-

*(a) Koperasi telah mengalami kebakaran dalam tahun ini dan menanggung kerugian sebanyak \$97,399.29 kerananya. Sungguhpun Koperasi ada mengambil insuran kebakaran tetapi Koperasi tidak menerima bayaran gantirugi dengan sepenuhnya. Kerugian kebakaran sebanyak \$19,873.18 terpaksa ditanggung oleh Koperasi sendiri.

(b) Perbelanjaan Kendalian

Jumlah perbelanjaan bagi tahun telah bertambah dibandingkan dengan tahun lalu. Koperasi hendaklah berhati-hati dan cuba mengawal perbelanjaan-perbelanjaan yang tidak begitu perlu.

(c) Siberhutang Perniagaan \$285,211.17

Jumlah baki-baki siberhutang meningkat dari tahun ke tahun. Koperasi mestilah berhati-hati dalam membuat jualan hutang kepada pelanggan-pelanggannya. Lebih-lebih lagi, memandangkan baki siberhutang yang begitu banyak, persediaan untuk hutang lapuk mestilah dibuat dalam akaun untuk menampung kerugian yang mungkin timbul daripadanya.

(d) Baki Wangtunai ditangan

Koperasi di ingatkan lagi agar menyimpan wangtunai ditangan mengikut yang dihadkan dalam Undang-undang Kecil Koperasi seksyen 63(c)(i).*

(i) Lembaran imbalan, akaun untung-rugi dan nota-nota bagi tempoh 1 Mei 1982 - 30 April 1983 (Lihat Lampiran C(ii)). Kira-kira ini telah dihantarkan kepada Ketua Pendaftar Koperasi-koperasi Malaysia melalui Jabatan Pembangunan Koperasi Pulau Pinang pada awal bulan November 1983.

5. Perlantikan Pengarah

Mesyuarat akan melantik tiga orang Pengarah untuk mengisi kekosongan seperti berikut:-

- (i) Encik Foong Yee Chye dan Puan Rashidah Begum bersara mengikut giliran. Menurut undang-undang kecil 51, mereka layak dan menawarkan diri untuk dilantik semula.
- (ii) Dr. Cheah Tat Beng telah meletakkan jawatan. Mesyuarat akan melantik seorang Pengarah untuk menggantikan Dr. Cheah.

6. Pembahagian Keuntungan

(i) Pembayaran dividen

Mesyuarat akan mengesah dan mengisytiharkan pembayaran dividen sebanyak 10% bagi tempoh berakhir 30 April, 1983, untuk tiap ahli yang mana namanya ada di dalam buku pendaftaran pada 31 Disember, 1982. Dividen untuk ahli akan diberi dalam bentuk kupon yang dapat digunakan di Kedai Buku dan Kedai Mahasiswa. Universiti Sains Malaysia akan diberi dividen dalam bentuk wang.

(ii) Derma

Mesyuarat akan meluluskan derma M\$5,000.00 kepada Tabung Pinjaman Pelajar Universiti Sains Malaysia.

7. Anggaran belanjawan

Mesyuarat akan menimbang dan meluluskan anggaran belanjawan bagi tempoh Mei 1984 - April 1985 (Lihat Lampiran D).

8. Perlantikan Juruaudit Luar dan Dalam

Mesyuarat akan menimbang perlantikan juruaudit seperti berikut:-

- (a) Ahmad Abdullah dan Goh, Juruaudit Luar, tamat tempoh perkhidmatan dan telah menyatakan kesanggupan mereka untuk lantikan semula.
- (b) Dr. Chin Fook Weng dan Encik Ong Taik Kee tamat tempoh perkhidmatan. Mesyuarat akan melantik dua Juruaudit Dalam untuk menggantikan mereka.

9. Had Pinjaman

Menurut Undang-undang Kecil 26(i) Mesyuarat akan menetapkan had maxima pinjaman yang boleh dibuat oleh Kedai Buku Koperatif Bhd.. Mesyuarat akan menimbang untuk menetapkan had ini sebanyak \$500,000.00.

10. Hal-hal Lain

Mesyuarat akan menimbang perkara-perkara lain yang telah disampaikan kepada Setiausaha Lembaga Pengarah, tujuh (7) hari sebelum tarikh mesyuarat ini.

Dengan Perintah Lembaga Pengarah



(Puan) Rashidah Begum

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
KEDAI BUKU KOPERATIF BHD.

Ruj. kami: UP.47/CB/AGM.9

Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kesembilan
yang telah diadakan pada 4 Februari, 1983, jam 4.45 petang
di Dewan Kuliah B, Universiti Sains Malaysia

Hadir: Encik Lim Huck Tee (Pengerusi)
Puan Rashidah Begum (Setiausaha)
141 ahli yang lain

Turut hadir: Encik Musa Nasri
Pegawai Kanan Pembangunan Koperasi
Daerah Timor Laut
Jabatan Pembangunan Koperasi
Pulau Pinang

Encik Por Leong Chuon
Pegawai Pembangunan Koperasi
Daerah Timor Laut
Jabatan Pembangunan Koperasi
Pulau Pinang

Dengan
jemputan: Cik Sabariah Othman
Pengurus
Kedai Buku Koperatif Bhd.

Encik Ng Thean Oon
Penolong Pengurus
Kedai Buku Koperatif Bhd.

Kata-kata aluan Pengerusi mengalu-alukan ahli ke mesyuarat ini.

Minit mesyuarat yang lalu 1. Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kelapan yang telah diadakan pada 17 Disember, 1982 disahkan tanpa pindaan.

Perkara-perkara berbangkit 2. (a) Minit 7: Pindaan kepada undang-undang kecil

Mesyuarat memperhatikan bahawa pindaan kepada undang-undang kecil 6 dan 16 telah didaftarkan oleh pihak Ketua Pendaftar Koperasi Malaysia pada 3 Mei, 1982.

Akaun tambahan 3. Mesyuarat mempertimbangkan Laporan Tahunan Lembaga Pengarah bagi tempoh 1 Mei, 1981-30 April, 1982.

Laporan tahunan diluluskan sebulat suara tanpa pindaan.

- Akaun tahunan**
4. Mesyuarat memperhatikan kira-kira yang telah diaudit bagi tempoh 1 Mei, 1981-30 April, 1982, serta laporan Juruaudit Luar. Kira-kira ini telah dihantarkan kepada Ketua Pendaftar Koperasi Malaysia, melalui Jabatan Pembangunan Koperasi Pulau Pinang pada penghujung bulan November, 1982. Akaun ini telah dikembalikan kepada Juruaudit Luar kami untuk beberapa pindaan dan akaun yang telah dipinda dikembalikan kepada Ketua Pendaftar pada awal bulan Januari, 1983. Setakat ini akaun masih belum diluluskan. Encik S. Subramaniam bertanya sama ada terdapat apa-apa sebab mengapa akaun masih tidak diluluskan. Pengerusi memberitahu bahawa pihak Kedai Buku telah diberitahu oleh pihak Ketua Pendaftar bahawa akaun telah diluluskan dan surat berkenaan dengan perkara ini akan dihantarkan tidak lama lagi.
- Oleh kerana akaun tahunan masih belum diluluskan secara rasmi oleh Ketua Pendaftar, mesyuarat tidak dapat membincangkan atau menerima akaun tersebut.
- Perlantikan Pengarah**
5. Mesyuarat diberitahu bahawa empat orang Pengarah perlu dilantik untuk mengisi kekosongan seperti berikut:-
- (i) Encik Foong Yee Chye, Encik Quah Chun Eng dan Tuan Haji Zainal Adnan Yang Yahaya yang bersara mengikut giliran.
 - (ii) Dr. Ang Tian Tse yang meletakkan jawatan oleh kerana mengambil cuti sebatikal.
- Encik Foong Yee Chye, Encik Quah Chun Eng, Tuan Haji Zainal Adnan Yang Yahaya dan Dr. Chua Swee-ong dicalonkan untuk mengisi kekosongan ini.
- Oleh kerana empat nama sahaja dicalonkan, mereka semua dilantik sebagai ahli Lembaga.
- Pembahagian keuntungan**
6. Pembahagian keuntungan seperti yang berikut dipersetujui:-
- (i) Pembayaran dividen
- Mesyuarat mengesahkan dan mengisytiharkan pembayaran dividen sebanyak 10% bagi tempoh berakhir 30 April, 1982, untuk setiap ahli yang mana namanya ada di dalam buku pendaftaran pada 31 Disember, 1981. Dividen untuk ahli perseorangan akan diberi dalam bentuk kupon yang dapat digunakan di Kedai Buku dan Kedai Mahasiswa. Universiti Sains Malaysia akan diberi dividen dalam bentuk wang.
- (ii) Derma
- Mesyuarat meluluskan derma M\$3,000.00 kepada Tabung Pinjaman Pelajar Universiti Sains Malaysia.
- Anggaran belanjawan**
7. Mesyuarat menimbang dan meluluskan anggaran belanjawan bagi tempoh Mei 1983 - April 1984.
- Perlantikan Juruaudit Luar dan Dalam**
8. Syarikat Ahmad Abdullah & Goh dan Dr. Chin Fook Weng dan Encik Ong Taik Kee dilantik semula sebagai Juruaudit Luar dan Juruaudit Dalam masing-masing.

Skim insuran
perubatan Red
Shield

9. Profesor Madya (Dr.) Gan Ee Kiang bertanya apakah sambutan ahli terhadap skim ini. Beliau telah menerima risalah berkenaan dengan skim ini daripada pihak Kedai Buku Koperatif Bhd., baru-baru ini.

Pengerusi memberitahu bahawa sambutan tidak menggalakkan oleh kerana lebih kurang 30 ahli sahaja yang berminat mengambil bahagian dalam skim ini. Had minima sebelum skim ini boleh dilaksanakan adalah 400 ahli. Walau bagaimanapun satu peringatan akan dihantarkan kepada ahli-ahli yang masih belum memberitahu sama ada mereka ingin mengambil bahagian dalam skim ini.

Pertukaran
keuntungan
ke saham

10. Dr. Ng Wai Kong bertanya sama ada keuntungan boleh diberikan kepada ahli dalam bentuk saham.

Pengerusi memberitahu bahawa oleh kerana Kedai Buku Koperatif Bhd. masih berkembang, lebih elok jika keuntungan ini digunakan untuk perkembangannya.

Oleh kerana tidak ada hal lain mesyuarat tamat pada pukul 5.20 petang.

RB/css
17 April 1983

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
KEDAI BUKU KOOPERATIF BHD.
LAPORAN TAHUNAN LEMBAGA PENGARAH
BAGI TEMPOH 1 MEI 1982 - 30 APRIL 1983

Lembaga Pengarah dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Kesepuluh kepada ahli-ahli Kedai Koperatif Bhd.

MAKLUMAT AM

Kedai Buku Koperatif Bhd. didaftarkan pada 21 Mac, 1973 di bawah Ordinan Syarikat-syarikat Kerjasama, 1948. Tujuan utama syarikat ini adalah untuk memenuhi kehendak kakitangan dan pelajar Universiti ini untuk bahan-bahan bacaan serta bahan keperluan lain dengan harga yang berpatutan.

LEMBAGA PENGARAH

Pengarah-pengarah yang bertugas bagi tempoh laporan ini adalah sebagai berikut:-

- (i) Pengarah yang dilantik oleh Naib-Canselor
Universiti Sains Malaysia

Encik Lim Huck Tee (Pengerusi)
Profesor Madya Mohamed Sulaiman (Naib
Pengerusi)
Dr. Mohd. Jamel Basha Adlan

- (ii) Pengarah yang dilantik semasa mesyuarat
agung tahunan

Dr. Chua Swee-ong
Dr. Cheah Tat Beng
Encik Foong Yee Chye
Encik Quah Chun Eng (Bendahari)
Puan Rashidah Begum (Setiausaha)
Tuan Haji Zainal Adnan Yang Yahaya

- (iii) Wakil Majlis Perwakilan Pelajar Universiti
Sains Malaysia

Encik Tan Ming Tan

Lembaga Pengarah telah bermesyuarat sebanyak enam kali sepanjang tempoh laporan ini.

Empat Jawatankuasa Kecil telah ditubuhkan oleh Lembaga untuk bertanggungjawab atas beberapa aspek penting Kedai Buku Koperatif Bhd. Tujuan dan keahlian Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil adalah seperti yang tersebut:-

1. Jawatankuasa Kecil Hal-hal Kakitangan

Ahli: Encik Lim Huck Tee (Pengerusi)
Dr. Mohd. Jamel Basha Adlan
Profesor Madya Mohamed Sulaiman
Encik Pall Singh
Encik Quah Chun Eng
Puan Noor Salma Noor Lajis
(Setiausaha)
Puan Rashidah Begum (Kerana Jawatan)

Tujuan Jawatankuasa Kecil ini adalah untuk menasihati Lembaga tentang hal-hal kakitangan.

2. Jawatankuasa Kecil Kedai Mahasiswa

Ahli: Tuan Haji Zainal Adnan Yang Yahaya
(Pengerusi)
Dr. Chua Swee-ong
Encik Foong Yee Chye
Encik Tan Ming Tan
Encik Ng Thean Don (Setiausaha)
Puan Rashidah Begum (Kerana
Jawatan)

Tujuan Jawatankuasa ini adalah:-

- (i) Menasihati Pengurus Kedai Buku Koperatif Bhd. tentang hal-hal pembelian bahan-bahan untuk Kedai Mahasiswa.
- (ii) Mengkaji semula dari masa ke semasa sistem jualan dan juga membuat syor-syor untuk memperbaiki jualan.
- (iii) Mengesyorkan kepada Lembaga bahan-bahan baru yang patut dijual di Kedai Mahasiswa.
- (iv) Mendapatkan kelulusan Lembaga tentang perkara-perkara berkaitan dengan derma, iklan dan sebagainya oleh Kedai Mahasiswa.

...3/-

3. Jawatankuasa Kecil Kewangan

Ahli: Encik Quah Chun Eng (Pengerusi)
Dr. Chin Fook Weng
Encik Ong Taik Kee
Cik Sabariah Othman (Setiausaha)
Puan Rashidah Begum (Kerana Jawatan)

Tujuan Jawatankuasa ini adalah:-

- (i) Menasihati Lembaga tentang perkara-perkara kewangan Kedai Koperatif Bhd.
- (ii) Bertanggungjawab terhadap perancangan belanjawan Kedai Buku Koperatif Bhd.
- (iii) Menyediakan anggaran belanjawan bagi tahun akan datang untuk pertimbangan dan kelulusan Lembaga Pengarah.
- (iv) Mengkaji semula polisi insuran Kedai Buku dan Kedai Mahasiswa bagi tiap tahun dan membuat syor kepada Lembaga Pengarah.

4. Jawatankuasa Kerja Perhubungan

Ahli: Puan Rashidah Begum (Pengerusi)
Encik Chan Chee Khoon
Dr. Cheah Boon Kheng
Dr. Cheah Tat Beng
Dr. Leong Yueh Kwong
Profesor Madya (Dr.) Peter Simmons

Tujuan Jawatankuasa ini adalah:-

- (i) Bertanggungjawab memastikan agar buku-buku berlebihan dibeli bagi keperluan golongan Universiti, khasnya golongan pelajar.
- (ii) Bertanggungjawab untuk membuat syor bagi pembelian tajuk-tajuk baru buku bacaan rekreasi.

...4/-

KEMAJUAN

Pada keseluruhannya, Kedai Buku Koperatif Bhd. mencapai perkembangan yang memuaskan.

Jumlah jualan di Kedai Buku Koperatif Bhd. kian meningkat dan telah melebihi dua juta ringgit buat kali yang kedua. Jumlah jualan bagi tempoh laporan ini adalah M\$2,190,039.79. Ini adalah M\$146,050.81, lebih dari jumlah jualan tahun 1981/82 dan merupakan kenaikan 7.15%. Keuntungan bersih telah meningkat dari M\$74,297.52 ke M\$129,861.27. Ini merupakan kenaikan 74.78%.

Dari keuntungan ini Lembaga mencadangkan supaya dividen sebanyak 10% dibayar. Tiap-tiap ahli Kedai Buku Koperatif Bhd. yang mana namanya ada dalam buku pendaftaran pada 31 Disember, 1982 akan menerima 50 sen bagi tiap saham. Dividen ini akan diberi dalam bentuk kupon yang dapat digunakan di Kedai Buku atau Kedai Mahasiswa. Universiti Sains Malaysia akan diberi dividen wang.

Kedai Buku Koperatif Bhd. memperluaskan lagi perkhidmatannya dalam tempoh ini. Pada bulan Oktober 1982, cawangan Kedai Mahasiswa telah dibuka di Desa Bakti. Walau bagaimanapun, oleh kerana keuntungan adalah kurang daripada kos penyelenggaraan, cawangan ini terpaksa ditutup pada 31 Disember, 1983.

Satu kajian untuk meninjau sambutan ahli Kedai Buku Koperatif Bhd. terhadap skim insuran perubatan Red Shield (M) Sdn. Bhd. telah dijalankan. Sambutan tidak memuaskan walaupun peringatan telah dihantar. Lebih kurang 70 ahli sahaja yang berminat dalam skim ini. Pihak Kedai Buku Koperatif Bhd. masih menyelidiki perkara ini.

Satu kawasan seluas 1380 kaki persegi untuk mempamerkan buku-buku kulit nipis telah ditambah di Kedai Buku. Ruang tambahan ini diperolehi dengan memindah pejabat am dan stor buku ke tingkat atas di bangunan Kedai Buku.

Mulai Januari 1983, Kedai Buku Koperatif Bhd. telah menyewakan sebuah bilik kepada sebuah syarikat swasta yang memberi perkhidmatan insuran am.

KAKITANGAN

Cik Julia Abdul Rahman, Pembantu Jualan II, Cik Rasidah Bee bt. Ibrahim, Jurutaip dan Encik Ajis bin Sulaiman, Atendan, telah meletakkan jawatan dalam tempoh laporan ini.

Kedudukan kakitangan pada 30 April, 1983 adalah seperti berikut:-

Pengurus	:	Cik Sabariah Othman
Pen. Pengurus	:	Encik Ng Thean Don
Kerani	:	Puan Koid Gaik Heoh Puan Koo Yim Lee Puan Ong Siew Tin Puan Tan Chooi Ngoh
Kerani: Akaun	:	Cik Aires Tan
Kerani: Stor (Pemangku)	:	Encik Azhar A. Aziz
Kerani Muda	:	Cik Goh Paik Hoon Cik Lee Chooi Suan Puan S. Saraspathy
Pembantu Jualan I	:	Cik Norizan Abdullah Cik Rodziah Begum Mohd. Zainul Abeedin Cik Rohana Hashim Cik Ooi Say Don
Pembantu Jualan II	:	Encik Fisal Jamaluddin Encik Selva Kumar a/l Maria Joseph Cik Siti Norlela Omar
Jurutaip	:	Cik Jasbir Kaur Cik Marzenah Hashim
Atendan	:	Encik Abdul Halim b. Abu Kassim

PENGHARGAAN

Lembaga Pengarah ingin mengucapkan terima kasih kepada yang berikut:

- (i) Naib Canselor Universiti Sains Malaysia yang telah memberi sokongan yang sepenuhnya,
- (ii) Ahli-ahli Lembaga yang telah bersara di atas sumbangan mereka,
- (iii) Dekan/Pengarah/Penyelaras Pusat-Pusat Pengajian, Ketua Jabatan dan kakitangan Universiti Sains Malaysia di atas kerjasama yang telah diberikan,
- (iv) Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Sains Malaysia di atas kerjasama yang telah diberikan,
- (v) Jabatan Pembangunan Koperasi Pulau Pinang di atas kerjasama dan nasihat mereka,

...6/-

- (vi) Kakitangan Kedai Buku Koperatif Bhd. kerana menjalankan tugas-tugas mereka dengan penuh dedikasi dan minat, dan
- (vii) Mereka-mereka yang lain yang telah memberi apa jua bantuan dan kerjasama.

Bagi pihak Lembaga Pengarah,



(Puan) Rashidah Begum
Setiausaha

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA KEDAI BUKU KOPERATIF BHD.

PULAU PINANG

(UNIVERSITI SAINS MALAYSIA CO-OPERATIVE BOOKSHOP LIMITED)

LAPURAN JURUAUDIT KEPADA AHLI-AHLI

Menurut kehendak seksyen 35(C) Ordinan Koperasi bilangan 33 tahun 1948, Kaedah-Kaedah Koperasi (Pindaan) tahun 1976 dan Undang-Undang Kecil Koperasi, kami melaporkan bahawa kami telah memeriksa akaun akaun Koperasi Universiti Sains Malaysia Kedai Buku Koperatif Bhd., Pulau Pinang dengan buku-buku dan baucer-baucer serta memperolehi segala penjelasan dan keterangan yang kami kehendaki.

Pada pendapat kami, Lembaran Imbangan dan Akaun Untung Rugi bersama-sama dengan nota-nota yang berikutan telah disusun selaras dengan kehendak Ordinan dan memberi gambaran yang benar dan berpatutan berkenaan dengan kedudukan harta dan tanggungan Koperasi pada 30 April 1982 dan keuntungannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

AHMAD ABDULLAH & GOH
Akauntan Awam Bertauliah
Juruaudit.

Pulau Pinang,

12 JAN 1983

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA KEDAI BUKU KOPERATIF BHD.

PULAU PINANG

(UNIVERSITI SAINS MALAYSIA CO-OPERATIVE BOOKSHOP LIMITED)

LEMBARAN IMBANGAN PADA 30 APRIL 1982

	<u>Nota</u>	<u>1982</u>	<u>1981</u>
<u>HARTA TETAP</u>	3	\$ 43,762.07	\$ 33,910
<u>PELABURAN - Kos</u>			
Saham di Kedai Buku Koperatif Universiti Malaya Berhad		100.00	100
<u>HARTA SEMASA</u>			
Stok	4	546,033.60	546,873
Siberhutang perniagaan	5	285,211.17	173,042
Pelbagai siberhutang, cagaran dan bayaran terdahulu	6	85,217.46	52,417
Wang di bank dan di tangan	7	28,370.77	35,037
		944,833.00	807,369
<u>TOLAK: TANGGUNGAN SEMASA</u>			
Sipiutang perniagaan	8	563,454.48	461,620
Pelbagai sipiutang dan bayaran terakru	9	19,421.00	23,227
Dividen dicadangkan		3,871.05	6,738
		586,746.53	491,585
<u>HARTA SEMASA BERSIH</u>		358,086.47	315,784
		<u>\$401,948.54</u>	<u>\$349,794</u>
		=====	=====
Dibiayai oleh:-			
<u>KUMPULANWANG AHLI</u>			
Modal Saham	10	\$ 40,570.00	\$ 34,811
Yuran Masuk	11	2,984.38	2,625
Akaun Untungrugi Terkumpul		123,080.63	89,018
Kumpulanwang Rizab Berkanun	12	45,313.53	33,340
Rizab Modal	13	110,000.00	-
		321,948.54	159,794
<u>GRAN DARI USM</u>		-	110,000
<u>PINJAMAN DARI USM</u>	14	80,000.00	80,000
		<u>\$401,948.54</u>	<u>\$349,794</u>
		=====	=====

(Nota-nota yang dilampirkan merupakan bahagian penting akaun-akaun ini dan mesti dibaca selaras dengannya)

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA KEDAI BUKU KOPERATIF BHD.PULAU PINANG(UNIVERSITI SAINS MALAYSIA CO-OPERATIVE BOOKSHOP LIMITED)AKAUN PEMBAHAGIAN UNTUNG RUGI BAGI TAHUN BERAKHIR30 APRIL 1982

	<u>Nota</u>	<u>1982</u>	<u>1981</u>
Jualan	1	\$2,043,988.98 =====	\$1,653,062 =====
Keuntungan bersih tahun ini		\$ 74,297.52	\$ 67,744
<u>Tolak</u> : Perkara luarbiasa	15	19,873.18	-
		<hr/>	<hr/>
		54,424.34	67,744
<u>Tolak</u> : Pembahagian			
Pindahan ke Kumpulanwang Rizab Berkanun - 22%		11,973.38	14,904
Sumbangan ke Kumpulanwang Amanah Pelajaran Koperasi - 2%		1,088.49	1,355
Sumbangan kepada Angkasa - 1%		544.24	677
Dividen dicadangkan - 10% daripada modal saham		3,871.05	3,481
Derma kepada Tabung Pinjaman Penuntut		3,000.00	2,000
		<hr/>	<hr/>
		20,477.16	22,417
		<hr/>	<hr/>
		33,947.18	45,327
<u>Campur</u> : Baki keuntungan terkumpul pada 1 Mei 1981		89,017.95	43,691
Pelarasan tahun lepas	16	115.50	-
		<hr/>	<hr/>
		89,133.45	43,691
Baki keuntungan terkumpul dibawah ke Lembaran Imbangan		\$ 123,080.63 =====	\$ 89,018 =====

(Nota-nota yang dilampirkan merupakan bahagian penting akaun-akaun ini dan mesti dibaca selaras dengannya)

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA KEDAI BUKU KOPERATIF BHD.

PULAU PINANG

(UNIVERSITI SAINS MALAYSIA CO-OPERATIVE BOOKSHOP LIMITED)

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN-AKAUN - 30 APRIL 1982

1. DASAR-DASAR PERAKAUNAN BERKEPENTINGAN

1.1 Asas-asas Perakaunan

- i) Akaun-akaun Koperasi ini telah disediakan menurut kelaziman kos asal.
- ii) Akaun-akaun Koperasi yang disediakan telah disesuaikan untuk mematuhi Ordinan Koperasi 1948 (sebagaimana dipindah) dan Kaedah Kaedah dibawahnya.

1.2 Susutnilai

Susutnilai dikira mengikut sistem susut berkurangan menurut tempoh penggunaan harta tetap. Kadar-kadar susutnilai digunakan adalah seperti berikut:-

Perabut dan kelengkapan pejabat	25% setahun
Alat hawa dingin	20% setahun
Ramp, ubahsuai dan pasangan letrik	10% setahun

1.3 Stok

Stok dinilai menurut kos belian dan nilai jualan bersih di antara mana yang rendah.

1.4 Jualan

Jualan merupakan barang-barang yang telah diinvois tolak pulangan masuk dan tidak termasuk lain-lain pendapatan.

1.5 Kadar Penukaran Wang

Urusniaga dalam wang asing telah ditukar mengikut kadar penukaran pada tarikh urusniaga. Harta dan tanggungan di negeri asing telah ditukar mengikut kadar penukaran pada 30 April 1982.

2. KEGIATAN UTAMA KOPERASI

Koperasi sedang bergiat didalam bidang-bidang memperjualbelikan buku-buku dan barang-barang runcit.

3. HARTA TETAP

	<u>Perabot dan kelengkapan pejabat</u>	<u>Alat hawa dingin</u>	<u>Ramp, ubahsuai dan pasangan letrik</u>	<u>Jumlah</u>
KOS				
Pada 1 Mei 1981	\$38,495.46	\$25,517.45	\$12,267.20	\$76,280.11
Tambahan	22,596.02	1,146.63	-	23,742.65
Kurangan	(5,920.00)	-	-	(5,920.00)
	<u>55,171.48</u>	<u>26,664.08</u>	<u>12,267.20</u>	<u>94,102.76</u>
SUSUTNILAI TERKUMPUL				
Pada 1 Mei 1981	23,115.46	15,930.45	3,324.70	42,370.61
Susutnilai untuk tahun ini	7,726.50	2,146.33	892.50	10,765.33
Kurangan	(2,795.25)	-	-	(2,795.25)
	<u>28,046.71</u>	<u>18,076.78</u>	<u>4,217.20</u>	<u>50,340.69</u>
NILAI BUKU BERSIH				
Pada 30 April 1982	\$27,124.77	\$ 8,587.30	\$ 8,050.00	\$43,762.07
NILAI BUKU BERSIH				
Pada 30 April 1981	\$15,380	\$ 9,587	\$ 8,943	\$33,910

4. STOK

	<u>1982</u>	<u>1981</u>
Kedai Buku	\$381,251.23	\$330,668
Kedai Mahasiswa	164,782.37	216,205
	<u>\$546,033.60</u>	<u>\$546,873</u>

5. SIBERHUTANG PERNIAGAAN

	<u>1982</u>	<u>1981</u>
Kedai Buku	\$283,799.32	\$171,590
Kedai Mahasiswa	1,411.85	1,452
	<u>\$285,211.17</u>	<u>\$173,042</u>

Termasuk dalam siberhutang perniagaan Kedai Buku dan Kedai Mahasiswa adalah sejumlah \$281,492.99 yang dihutang daripada Perpustakaan USM dan lain-lain jabatan dalam Kampus USM.

6. PELBAGAI SIBERHUTANG, CAGARAN DAN BAYARAN TERDAHULU

	<u>1982</u>	<u>1981</u>
Pelbagai siberhutang	\$ 18,669.07	\$ 541
Bayaran terdahulu kepada pembekal-pembekal	64,056.27	48,695
Cagaran kepada pembekal-pembekal	546.17	510
Bayaran terdahulu - insuran	227.16	131
Pinjaman kepada kakitangan	1,718.79	2,540
	<hr/>	<hr/>
	\$ 85,217.46	\$ 52,417
	=====	=====

7. WANG DI BANK DAN DI TANGAN

	<u>1982</u>	<u>1981</u>
<u>Kedai Buku</u>		
Wang di dalam mesin daftar tunai	\$ 311.00	\$ 151
Wang tunai runcit	200.00	137
Wang tunai terapung	1,000.00	400
Wang di Bank Bumiputra Malaysia Bhd.		
- USM, Pulau Pinang	7,247.67	8,393
- London, England	5,357.78	5,122
- New York, Amerika Syarikat	11,985.91	2,831
	<hr/>	<hr/>
	26,102.36	17,034
<u>Kedai Mahasiswa</u>		
Wang dalam mesin daftar tunai	661.15	557
Wang tunai runcit	268.00	140
Wang tunai terapung	1,100.00	500
Wang di Bank Bumiputra Malaysia Bhd.		
- USM, Pulau Pinang	239.26	16,806
	<hr/>	<hr/>
	\$ 28,370.77	\$ 35,037
	=====	=====

8. SIPIUTANG PERNIAGAAN

	<u>1982</u>	<u>1981</u>
Kedai Buku	\$415,335.37	\$300,890
Kedai Mahasiswa	148,119.11	160,730
	<hr/>	<hr/>
	\$563,454.48	\$461,620
	=====	=====

9. PELBAGAI SIPIUTANG DAN BAYARAN TERAKRU

	<u>1982</u>	<u>1981</u>
Pelbagai sipiutang	\$ -	\$ 761
Bayaran audit terakru	2,000.00	2,500
Bayaran letrik and gaji pekerja sambilan terakru	1,019.14	3,385
Sumbangan kepada Angkasa	544.24	997
Sumbangan ke Kumpulan Wang Amanah		
Pelajaran Koperasi	1,088.49	1,995
Yuran Angkasa	-	226
Taruhan dari pelanggan	1,414.45	623
Peruntukan derma Tabung Pinjaman Penuntut	3,000.00	4,000
Peruntukan bonos	10,354.68	8,740
	<hr/>	<hr/>
	\$19,421.00	\$23,227
	=====	=====

10. MODAL SAHAM

	<u>1982</u>		<u>1981</u>	
	<u>Bilangan</u> <u>Ahli</u>	<u>Modal</u>	<u>Bilangan</u> <u>Ahli</u>	<u>Modal</u>
Pada 1 Mei 1981	1,771	\$34,810.50	1,658	\$32,570
<u>Campur</u> : Tambahan Ahli	191	4,605.00	124	1,190
Dividen yang tidak dituntut	-	1,859.50	-	1,156
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	1,962	41,275.00	1,782	34,916
<u>Tolak</u> : Pemberhentian Ahli	19	705.00	11	105
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Pada 30 April 1982	1,943	\$40,570.00	1,771	\$34,811
	=====	=====	=====	=====

Sebanyak 115 surat pengesahan telah diedar daripada jumlah ahli seramai 1,943 orang. Nilai yang diedarkan ialah \$27,500.00 iaitu 71.04% daripada jumlah modal saham.

Keputusan edaran di atas adalah seperti berikut:-

	<u>Bilangan</u>	<u>Nilai</u>
Ahli yang mengesahkan	62	\$25,490.00
Ahli yang melapurkan perbezaan	-	-
Tiada jawapan	53	2,010.00
	<hr/>	<hr/>
	115	\$27,500.00
	=====	=====
Peratus kejayaan daripada jumlah edaran	53.91%	92.69%
Peratus kejayaan daripada jumlah besar	3.19%	65.85%

Berdasarkan keputusan-keputusan diatas kami berpendapat bahawa angka modal saham yang ditunjukkan di dalam Lembaran Imbangan pada 30 April 1982 bolehlah diterima.

11.	<u>YURAN MASUK</u>	<u>1982</u>	<u>1981</u>
	Baki pada 1 Mei 1981	\$ 2,625.38	\$ 2,370
	<u>Campur</u> : Diterima dalam tahun ini	359.00	255
		<hr/>	<hr/>
		\$ 2,984.38	\$ 2,625
		=====	=====
12.	<u>KUMPULANWANG RIZAB BERKANUN</u>	<u>1982</u>	<u>1981</u>
	Pada 1 Mei 1981	\$ 33,340.15	\$18,436
	<u>Campur</u> : Pindahan daripada Akaun Untung Rugi	11,973.38	14,904
		<hr/>	<hr/>
		\$ 45,313.53	\$33,340
		=====	=====
13.	<u>RIZAB MODAL</u>		
	Ini merupakan gran-gran dari USM yang tidak perlu dikembalikan.		
14.	<u>PINJAMAN DARI USM</u>		
	Ini adalah pinjaman tanpa faedah dan tidak bercagar dan tidak mempunyai tarikh pembayaran yang tertentu.		
15.	<u>PERKAPA LUARBIASA</u>		
	Kerugian stok dan harta tetap		\$97,394.29
	<u>Tolak</u> : Tuntutan insuran	\$67,720.66	
	Jualan selepas kebakaran	9,800.45	
		<hr/>	
			77,521.11
			<hr/>
			\$19,873.18
			=====
16.	<u>PELARASAN TAHUN LEPAS</u>	<u>1982</u>	<u>1981</u>
	Kelebihan persediaan dividen yang dicadangkan	\$ 115.50	\$ -
		=====	=====
17.	<u>PERUNTUKAN CUKAI PENDAPATAN</u>		
	Peruntukan tidak dibuat untuk cukai pendapatan kerana Koperatif ini dikecualikan daripada cukai pendapatan menurut perenggan 12(b) Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967.		
18.	<u>BILANGAN PEKERJA</u>		
	Pada 30 April 1982, Koperasi ini mempunyai pekerja seramai 21 orang. Bilangan ini tidak termasuk pekerja-pekerja separuh masa.		
19.	<u>ANGKA-ANGKA BANDINGAN</u>		
	Angka-angka bandingan telah disusun semula untuk menyesuaikan dengan susunan akaun tahun ini.		

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA KEDAI BUKU KOPERATIF BHD.

PULAU PINANG

(UNIVERSITI SAINS MALAYSIA CO-OPERATIVE BOOKSHOP LIMITED)

AKAUN PERDAGANGAN DAN UNTUNG-RUGI BAGI TAHUN BERAKHIR

30 APRIL 1982

<u>1981</u>				
\$1,653,062		Jualan		\$2,043,988.98
		<u>Tolak: Kos jualan</u>		
399,598		Stok pada 1 Mei 1981	\$ 546,872.51	
-		<u>Tolak: Stok yang musnah</u>	93,745.21	
399,598			453,127.30	
1,591,556		Belian	1,884,623.55	
1,991,154			2,337,750.85	
546,873		<u>Tolak: Stok pada 30 April</u> 1982	546,033.60	
1,444,281				1,791,717.25
208,781		Keuntungan kasar		252,271.73
		<u>Campur: Lain-lain pendapatan</u>		
-		Runcit	225.80	
72		Komisyen atas jualan	420.12	
131		Faedah Pertaruhan Tetap	-	
-		Pendapatandaripada kadar penukaran wang	2,244.96	
1,300		Bayaran perkhidmatan diterima	-	
10		Dividen diterima	10.00	
97		Hutang lapuk diterima	41.60	
13		Faedah pinjaman	52.44	
1,623				2,994.92
210,404				255,266.65
		<u>Tolak: Perbelanjaan</u>		
85,500		Gaji, elaun dan bonos	106,325.08	
7,178		KWSP dan SOCSO	11,436.40	
4,190		Cetakan dan alatulis	10,813.30	
6,241		Setem, talipon dan taligram	8,392.05	
926		Bayaran perubatan	788.00	
526		Insuran	967.25	
2,500		Bayaran audit	1,250.00	
290		Pembaikan dan penyelenggaraan	592.50	
788		Komisyen bank	983.39	
7,557		Pembantu harian	11,777.00	
1,549		Perbelanjaan pengangkutan	1,104.20	
40		Derma	256.00	
8,517		Susutnilai	10,765.33	
-		Honorarium	350.00	
\$ 125,802		Baki dibawa ke hadapan	\$ 165,800.50	\$ 255,266.65

\$ 125,802	Baki dibawa dari hadapan	\$ 165,800.50	\$ 255,266.65
5,006	Alat bungkusan	3,478.93	
337	Perbelanjaan Mesyuarat Agung	451.97	
324	Pelbagai perbelanjaan	1,231.25	
6,746	Bayaran letrik	9,204.48	
475	Iklan	802.00	
3,970	Kerugian daripada kadar penukaran wang	-	
142,660			180,969.13
<hr/>			<hr/>
\$ 67,744	Keuntungan bersih bagi tahun ini		\$ 74,297.52
=====			=====

DRAFT

LAMPIRAN C(ii)

Subject to *approval by*
~~Finalisation~~
Co-op dept

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA KEDAI BUKU KOPERATIF BHD.

PULAU PINANG

(UNIVERSITI SAINS MALAYSIA CO-OPERATIVE BOOKSHOP LIMITED)

LAPURAN JURUAUDIT TAHUN KEWANGAN 1983

Kepada:

Ketua Pendaftar Koperasi
Ahli-Ahli Koperasi

Tetuan,

Menurut kehendak seksyen 35(C) Ordinan Koperasi bilangan 33 tahun 1948, Kaedah-Kaedah Koperasi (Pindaan) tahun 1976 dan Undang-Undang Kecil Koperasi, kami melaporkan bahawa kami telah mengaudit akaun-akaun Koperasi Universiti Sains Malaysia Kedai Buku Koperatif Bhd., Pulau Pinang dan pandangan-pandangan kami adalah seperti berikut:-

(a) Undang-Undang Kecil 16 berkaitan dengan pemberhentian keahlian telah dipinda dengan kelulusan daripada Ketua Pendaftar Koperasi pada 3 Mei 1982. Fasal tambahan (f) menyatakan keahlian akan mansuh setelah seseorang ahli tidak lagi menjadi penuntut atau kakitangan Universiti. Pada tarikh 30 April 1983, amaun yang terakru kepada mereka yang terlibat dengan pindaan ini belum dikira, jadi Akaun Modal Saham tidak diselaraskan.

(b) Peruntukan dividen bagi tahun tersebut mengikut Undang-Undang Kecil 29 telah dikira berdasarkan baki Modal Saham yang telah dibayar penuh pada 30 April 1983. Berdasarkan ulasan di atas, peruntukan dividen mungkin dibuat lebih dari yang sepatutnya.

Tertakluk kepada perkara-perkara di atas, kami berpendapat bahawa Lembaran Imbangan dan Akaun Untung Rugi bersama-sama dengan nota-nota di mukasurat 2 hingga 10 adalah disusun selaras dengan kehendak Ordinan dan memberi gambaran yang benar dan berpatutan berkenaan dengan kedudukan harta dan tanggungan Koperasi pada 30 April 1983 dan keuntungannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

AHMAD ABDULLAH & GOH
Akauntan Awam Bertauliah
Juruaudit.

Pulau Pinang,

Subject to *approval by* finalisation*Co-op dept.*UNIVERSITI SAINS MALAYSIA KEDAI BUKU KOPERATIF BHD.PULAU PINANG(UNIVERSITI SAINS MALAYSIA CO-OPERATIVE BOOKSHOP LIMITED)LEMBARAN IMBANGAN PADA 30 APRIL 1983

	Nota	1983	1982
<u>HARTA TETAP</u>	3	\$ 35,801.95	\$ 43,762
<u>PELABURAN - Kos</u>			
Saham di Kedai Buku Koperatif Universiti Malaya Berhad		100.00	100
<u>HARTA SEMASA</u>			
Stok	4	564,138.49	546,034
Siberhutang perniagaan	5	186,994.60	285,211
Pelbagai siberhutang, cagaran dan bayaran terdahulu	6	53,144.32	85,217
Taruhan tetap di Bank Bumiputra Malaysia Bhd.		10,291.30	-
Wang di bank dan di tangan	7	68,201.71	28,371
		882,770.42	944,833
		<u>\$918,672.37</u>	<u>\$988,695</u>
		=====	=====

Dibiayai oleh:-

KUMPULANWANG AHLI

Modal Saham	8	\$ 41,980.50	\$ 40,570
Yuran Masuk	9	3,437.38	2,984
Akaun Untungrugi Terkumpul		210,855.63	123,081
Rizab Modal	10	110,000.00	110,000
		366,273.51	276,635

KUMPULANWANG RIZAB BERKANUN

11 73,883.01 45,314

PINJAMAN DARI USM

12 75,000.00 80,000

TANGGUNGAN SEMASA

Sipiutang perniagaan	13	358,675.36	563,454
Pelbagai sipiutang dan bayaran terakru	14	37,148.49	19,421
Dividen dicadangkan		7,692.00	3,871
		403,515.85	586,746
		<u>\$918,672.37</u>	<u>\$988,695</u>
		=====	=====

Nota-nota di mukasurat 5 hingga 10 merupakan bahagian penting akaun-akaun ini.

PULAU PINANG

(UNIVERSITI SAINS MALAYSIA CO-OPERATIVE BOOKSHOP LIMITED)

AKAUN PEMBAHAGIAN UNTUNG RUGI BAGI TAHUN BERAKHIR30 APRIL 1983

	<u>Nota</u>	<u>1983</u>	<u>1982</u>
Keuntungan bersih tahun ini		\$ 129,861.27	\$ 74,298
<u>Tolak</u> : Perkara luarbiasa	15	-	19,873
		<u>129,861.27</u>	<u>54,425</u>
<u>Tolak</u> : Pembahagian			
Pindahan ke Kumpulanwang Rizab Berkanun - 22%		28,569.48	11,973
Sumbangan kepada Kumpulanwang Amanah Pelajaran Koperasi - 2%		2,597.23	1,089
Sumbangan kepada Angkasa - 1%		1,298.61	544
Dividen dicadangkan - 10% daripada modal saham		3,936.50	3,871
Honorarium		800.00	-
Derma kepada Tabung Pinjaman Penuntut		5,000.00	3,000
		<u>42,201.82</u>	<u>20,477</u>
		87,659.45	33,948
<u>Campur</u> : Baki keuntungan terkumpul pada 1 Mei 1982		123,080.63	89,018
Pelarasan tahun lepas	16	115.55	115
		<u>123,196.18</u>	<u>89,133</u>
Baki keuntungan terkumpul dibawa ke Lembaran Imbangan		\$ 210,855.63	\$ 123,081
		=====	=====

Nota-nota di mukasurat 5 hingga 10 merupakan bahagian penting akaun-akaun ini.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA KEDAI BUKU KOPERATIF BHD.

PULAU PINANG

(UNIVERSITI SAINS MALAYSIA CO-OPERATIVE BOOKSHOP LIMITED)

AKAUN UNTUNG RUGI BAGI TAHUN BERAKHIR

30 APRIL 1983

<u>1982</u>		<u>Nota</u>	
	<u>PENDAPATAN</u>		
\$252,272	Keuntungan jualan kasar	17	\$318,262.90
226	Runcit		391.43
420	Komisyen atas jualan		3,581.35
-	Faedah Taruhan Tetap		463.81
	Pendapatan daripada kadar		
2,245	penukaran wang		2,842.06
10	Dividen diterima		10.00
42	Hutang lapuk diterima		-
52	Faedah pinjaman		70.82
-	Sewaan		400.00
<hr/>			
255,267			326,022.37
	<u>PERBELANJAAN</u>		
106,325	Gaji, elaun dan bonos		\$136,083.25
11,437	KWSP dan SOCSO		14,070.45
10,813	Cetakan dan alatulis		6,434.57
8,392	Setem, talipon dan taligram		4,469.97
788	Bayaran perubatan		1,511.50
967	Insuran		1,289.24
1,250	Bayaran audit		2,000.00
593	Pembaikan dan penyelenggaraan		358.60
983	Komisyen bank		674.26
11,777	Pembantu harian		2,524.50
1,104	Perbelanjaan pengangkutan		1,781.93
10,765	Susutnilai		10,228.12
350	Honorarium		-
3,479	Alat bungkusan		4,725.05
452	Perbelanjaan Mesyuarat Agung		1,140.00
1,487	Pelbagai perbelanjaan		1,044.94
9,205	Bayaran letrik		7,734.72
802	Iklan		90.00
<hr/>			
180,969			196,161.10
<hr/>			
\$ 74,298	Keuntungan bersih bagi tahun ini		\$129,861.27
=====			=====

Nota-nota di mukasurat 5 hingga 10 merupakan bahagian penting akaun-akaun ini.

PULAU PINANG

(UNIVERSITI SAINS MALAYSIA CO-OPERATIVE BOOKSHOP LIMITED)

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN-AKAUN - 30 APRIL 1983

1. DASAR-DASAR PERAKAUNAN BERKEPENTINGAN

1.1 Asas-asas Perakaunan

- i) Akaun-akaun Koperasi ini telah disediakan menurut kelaziman kos asal.
- ii) Akaun-akaun Koperasi yang disediakan telah disesuaikan untuk mematuhi Ordinan Koperasi 1948 (sebagaimana dipinda) dan Kaedah-Kaedah di bawahnya.

1.2 Susutnilai

Susutnilai dikira mengikut sistem susut berkurangan menurut tempoh penggunaan harta tetap. Kadar-kadar susutnilai digunakan adalah seperti berikut:-

Perabot dan kelengkapan pejabat	25% setahun
Alat hawa dingin	20% setahun
Ramp, ubahsuai dan pemasangan letrik	10% setahun

1.3 Stok

Stok dinilai menurut kos belian dan nilai jualan bersih di antara mana yang rendah.

1.4 Jualan

Jualan merupakan barang-barang yang telah diinvois tolak pulangan masuk dan tidak termasuk lain-lain pendapatan.

1.5 Kadar Penukaran Wang

Harta dan tanggungan di negeri asing telah ditukar mengikut kadar penukaran pada 30 April 1983. Urusniaga dalam wang asing telah ditukar mengikut kadar penukaran pada tarikh urusniaga. Untungrugi dan penukaran wang asing telah dimasukkan ke dalam akaun untung rugi.

2. KEGIATAN UTAMA KOPERASI

Koperasi sedang bergiat di dalam bidang-bidang memperjual-belikan buku-buku dan barang-barang runcit.

3. HARTA TETAP

	<u>Perabut dan kelengkapan pejabat</u>	<u>Alat hawa dingin</u>	<u>Ramp, ubahsuai dan pasangan letrik</u>	<u>Jumlah</u>
KOS				
Pada 1 Mei 1982	\$55,171.48	\$26,664.08	\$12,267.20	\$94,102.76
Tambahan	2,268.00	-	-	2,268.00
Kurangan	-	-	-	-
	<u>57,439.48</u>	<u>26,664.08</u>	<u>12,267.20</u>	<u>96,370.76</u>
Pada 30 April 1983	57,439.48	26,664.08	12,267.20	96,370.76
SUSUTNILAI TERKUMPUL				
Pada 1 Mei 1982	28,046.71	18,076.78	4,217.20	50,340.69
Susutnilai untuk tahun ini	7,449.67	1,973.45	805.00	10,228.12
Kurangan	-	-	-	-
	<u>35,496.38</u>	<u>20,050.23</u>	<u>5,022.20</u>	<u>60,568.81</u>
Pada 30 April 1983	35,496.38	20,050.23	5,022.20	60,568.81
NILAI BUKU BERSIH				
Pada 30 April 1983	\$21,943.10	\$ 6,613.85	\$ 7,245.00	\$35,801.95
NILAI BUKU BERSIH				
Pada 30 April 1982	\$27,125	\$ 8,587	\$ 8,050	\$43,762


4. STOK

	<u>1983</u>	<u>1982</u>
Kedai Buku	\$344,929.82	\$381,251
Kedai Mahasiswa	219,208.67	164,783
	<u>\$564,138.49</u>	<u>\$546,034</u>

5. SIBERHUTANG PERNIAGAAN

	<u>1983</u>	<u>1982</u>
Kedai Buku	\$185,758.51	\$283,799
Kedai Mahasiswa	1,236.09	1,412
	<u>\$186,994.60</u>	<u>\$285,211</u>

Termasuk dalam siberhutang perniagaan Kedai Buku dan Kedai Mahasiswa adalah sejumlah \$178,637.67 yang dihutang daripada Perpustakaan USM dan lain-lain jabatan dalam kampus USM.



6. PELBAGAI SIBERHUTANG, CAGARAN DAN BAYARAN TERDAHULU

	<u>1983</u>	<u>1982</u>
Pelbagai siberhutang	\$ 3,151.26	\$ 18,669
Bayaran terdahulu kepada pembekal-pembekal	41,339.47	64,056
Cagaran kepada pembekal-pembekal	1,169.32	546
Bayaran terdahulu - insuran	150.93	227
Pinjaman kepada kakitangan	7,333.34	1,719
	<u>\$ 53,144.32</u>	<u>\$ 85,217</u>
	=====	=====

7. WANG DI BANK DAN DI TANGAN

	<u>1983</u>	<u>1982</u>
<u>Kedai Buku</u>		
Wang di dalam mesin daftar tunai	\$ -	\$ 311
Wang tunai runcit	397.63	200
Wang tunai terapung	1,000.00	1,000
Wang di Bank Bumiputra Malaysia Bhd.		
- USM, Pulau Pinang	47,809.45	7,248
- London, England	2,359.76	5,358
- New York, Amerika Syarikat	5,574.15	11,986
	<u>57,140.99</u>	<u>26,103</u>
<u>Kedai Mahasiswa</u>		
Wang dalam mesin daftar tunai	-	661
Wang tunai runcit	500.00	268
Wang tunai terapung	1,100.00	1,100
Wang di Bank Bumiputra Malaysia Bhd.		
- USM, Pulau Pinang	9,460.72	239
	<u>\$ 68,201.71</u>	<u>\$ 28,371</u>
	=====	=====

8. MODAL SAHAM

1983

LAMPIRAN C(ii)

DRAFT
1982
Subject to approval by
finalisation
Co-op dept

	<u>Bilangan</u> <u>Ahli</u>	<u>Modal</u>	<u>Bilangan</u> <u>Ahli</u>	<u>Modal</u>
Pada 1 Mei 1982				
Saham	1,943	\$37,555.00	1,771	\$33,655
Dividen yang tidak dituntut	-	3,015.00	-	1,156
	<u>1,943</u>	<u>40,570.00</u>	<u>1,771</u>	<u>34,811</u>
<u>Tolak: Pelarasan</u>				
bilangan ahli yang disalah angka pada tahun lepas	13	-	-	-
	<u>1,930</u>	<u>40,570.00</u>	<u>1,771</u>	<u>34,811</u>
<u>Tolak:</u>				
Pemberhentian ahli	13	315.00	19	705
Dividen yang dituntut	-	289.00	-	-
Dividen yang tidak dituntut oleh ahli yang dipindah kepada pelbagai sipiutang	-	110.50	-	-
	<u>13</u>	<u>714.50</u>	<u>19</u>	<u>705</u>
	<u>1,917</u>	<u>39,855.50</u>	<u>1,752</u>	<u>34,106</u>
<u>Tambah:</u>				
Tambahan ahli	224	2,125.00	191	4,605
Dividen yang tidak dituntut	-	-	-	1,859
	<u>2,141</u>	<u>\$41,980.50</u>	<u>1,943</u>	<u>\$40,570</u>
Pada 30 April 1983	=====	=====	=====	=====

Sebanyak 130 surat pengesahan telah diedar daripada jumlah ahli seramai 2,141 orang. Nilai yang diedarkan ialah \$27,335.00 iaitu 69.44% daripada jumlah modal saham.

Keputusan edaran di atas adalah seperti berikut:-

	<u>Bilangan</u>	<u>Nilai</u>
Ahli yang mengesahkan	78	\$25,770.00
Ahli yang melapurkan perbezaan	-	-
Tiada jawapan	52	1,565.00
	<u>130</u>	<u>\$27,335.00</u>
	===	=====
Peratus kejayaan daripada jumlah edaran	60.00%	94.27%
Peratus kejayaan daripada jumlah besar	3.64%	65.46%

Berdasarkan keputusan-keputusan di atas kami berpendapat bahawa angka modal saham yang ditunjukkan di dalam Lembaran Imbangan pada 30 April 1983 bolehlah diterima.

LAMPIRAN C(ii)

DRAFT
approval by
Subject to finalisation
Co-op dept

9. YURAN MASUK

	<u>1983</u>	<u>1982</u>
Baki pada 1 Mei 1982	\$ 2,984.38	\$ 2,625
<u>Campur</u> : Diterima dalam tahun ini	453.00	359
	<hr/>	<hr/>
	\$ 3,437.38	\$ 2,984
	=====	=====

10. RIZAB MODAL

Ini merupakan gran-gran dari USM yang tidak perlu dikembalikan.

11. KUMPULANWANG RIZAB BERKANUN

	<u>1983</u>	<u>1982</u>
Pada 1 Mei 1982	\$45,313.53	\$33,340
<u>Campur</u> : Pindahan daripada Akaun Untung Rugi	28,569.48	11,974
	<hr/>	<hr/>
	\$73,883.01	\$45,314
	=====	=====

12. PINJAMAN DARI USM

Ini adalah pinjaman tanpa faedah dan tidak bercagar dan tidak mempunyai tarikh pembayaran yang tertentu.

13. SIPIUTANG PERNIAGAAN

	<u>1983</u>	<u>1982</u>
Kedai Buku	\$223,303.39	\$415,335
Kedai Mahasiswa	135,371.97	148,119
	<hr/>	<hr/>
	\$358,675.36	\$563,454
	=====	=====

14. PELBAGAI SIPIUTANG DAN BAYARAN TERAKRU

	<u>1983</u>	<u>1982</u>
Pelbagai sipiutang	\$ 106.00	\$ -
Bayaran audit dan akauntansi terakru	2,250.00	2,000
Bayaran letrik	3,136.32	1,019
Sumbangan kepada Angkasa	1,842.85	544
Sumbangan ke Kumpulanwang Amanah Pelajaran Koperasi	2,597.23	1,089
Taruhan dari pelanggan	1,514.45	1,414
Peruntukan derma Tabung Pinjaman Penuntut	8,000.00	3,000
Peruntukan bonos	17,496.14	10,355
Saham ahli yang telah berhenti	95.00	-
Dividen ahli yang telah berhenti	110.50	-
	<hr/>	<hr/>
	\$ 37,148.49	\$ 19,421
	=====	=====

- 9 - **DRAFT**
approval by
Subject to finalisation
Co-op dept.

LAMPIRAN C(ii)

15. PERKARA LUARBIASA

	<u>1983</u>	<u>1982</u>
Kerugian stok dan harta tetap	\$ -	\$ 97,394
<u>Tolak</u> : Tuntutan insuran	-	67,721
Jualan selepas kebakaran	-	9,800
	-	77,521
	\$ -	\$ 19,873
	=====	=====

16. PELARASAN TAHUN LEPAS

	<u>1983</u>	<u>1982</u>
Kelebihan persediaan dividen yang dicadangkan	\$ 115.55	\$ 115
	=====	=====

17. KEUNTUNGAN JUALAN KASAR

	<u>1983</u>	<u>1982</u>
Jualan	\$2,190,039.79	\$2,043,989
<u>Tolak</u> : Kos jualan	546,033.60	546,872
Stok pada 1 Mei 1982	-	93,745
<u>Tolak</u> : Stok yang musnah	546,033.60	453,127
Belian	1,889,881.78	1,884,624
	2,435,915.38	2,337,751
<u>Tolak</u> : Stok pada 30 April 1983	564,138.49	546,034
	1,871,776.89	1,791,717
Keuntungan jualan kasar	\$ 318,262.90	\$ 252,272
	=====	=====

18. PERUNTUKAN CUKAI PENDAPATAN

Peruntukan tidak dibuat untuk cukai pendapatan kerana Koperasi ini dikecualikan daripada cukai pendapatan menurut perenggan 12(b) Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967.

19. BILANGAN PEKERJA

Pada 30 April 1983, Koperasi ini mempunyai pekerja seramai 21 orang. Bilangan ini tidak termasuk pekerja-pekerja separuh masa.

20. ANGKA-ANGKA BANDINGAN

Angka-angka bandingan telah disusun semula untuk disesuaikan dengan susunan akaun tahun ini.

KEDAI BUKU KOPERATIF BHD.

ANGGARAN BELANJAWAN BAGI TEMPOH MEI 1984 - APRIL 1985

Pendapatan	Sebenar 1982/83	Jangkaan 1983/84	Ramalan 1984/85
	\$	\$	\$
Jualan tunai	1,211,000	1,010,000	1,300,000
Jualan hutang	979,000	1,132,000	1,000,000
	<u>2,190,000</u>	<u>2,142,000</u>	<u>2,300,000</u>
Anggaran untung kasar	<u>326,000</u>	<u>259,500</u>	<u>342,500</u>
Perbelanjaan			
Gaji dan elaun	118,560	123,200	135,000
Bonus	17,140	-	-
Kumpulanwang Simpanan Pekerja	12,700	13,400	14,800
Perkeso	1,370	1,450	1,500
Cetakan dan alatulis	6,400	4,500	7,000
Setem, telefon dan telegram	4,500	6,100	5,500
Bayaran perubatan	1,500	3,000	3,000
Insuran	1,280	1,000	2,000
Bayaran audit	2,000	2,000	2,000
Pembaikan dan penyelenggaraan	360	-	500
Komisyen bank	700	-	800
Perbelanjaan pengangkutan	1,800	1,000	2,000
Susutnilai	10,200	8,500	17,000
Alatan bungkus	4,700	3,000	5,300
Bayaran letrik	7,700	14,400	16,000
	<u>190,910</u>	<u>181,550</u>	<u>212,400</u>
Belanja mengejut	5,590	18,155	21,240
	<u>196,500</u>	<u>199,705</u>	<u>233,640</u>
Anggaran untung bersih	<u>\$129,500</u> =====	<u>\$59,795</u> =====	<u>\$108,860</u> =====

(E9)

ULASAN KETUA PENDAFTAR

KOOP (AUDIT) IP:
3165/5(59).

25hb November, 1983.

Ahli-ahli Koperasi,
Universiti Sains Malaysia Kedai Buku Koperatif Bhd.,
d/a Pengurus Koperasi,
Universiti Sains Malaysia,
Minden,
PULAU PINANG.

Tuan,

Akaun dan Lembaran Imbangan - 1983

Dengan hormatnya saya sertakan bersama-sama ini satu salinan Lembaran Imbangan, Akaun Untungrugi dan nota-nota kepada akaun tersebut, yang telah diaudit oleh Firma Juruaudit Ahmad Abdullah & Goh.

2. Pandangan-pandangan dan ulasan-ulasan saya bagi pihak Ketua Pendaftar keatas akaun yang dibentangkan itu adalah seperti berikut:-


- (a) Pendapatan koperasi pada keseluruhannya telah meningkat terutama pendapatan atas jualan, komisyen jualan dan pertukaran wang. Kadar pertambahan pendapatan adalah 27.72% lebih tinggi dari tahun lalu, manakala kadar pertambahan perbelanjaan pula ialah 8.4% dari tahun lalu. Walaupun nisbah keuntungan bersih koperasi dapat diperbaiki iaitu dari 29% di tahun 1982 kepada 40% di tahun ini, koperasi hendaklah terus mengekalkan semangat berkoperasi dan pendapatan koperasi hendaklah terus dipertingkatkan. Untuk masa-masa akan datang, koperasi hendaklah mengasingkan keuntungan jualan kasar antara kedai buku dan kedai mahasiswa supaya perbandingan dapat dibuat untuk mengukur dalam menganalisa prestasi dari kedua urusaniaga tersebut.
- (b) Selaras dengan konsep kepadanan dalam amalan perakaunan koperasi, Kumpulanwang Rizab Berkanun koperasi hendaklah diwakili oleh harta-harta tertentu yang selamat seperti bon kerajaan, amanah saham, petaruhan tetap di bank-bank dan sebagainya dengan nilai yang seimbang dengannya. Harta-harta tersebut hendaklah juga ditunjukkan di Lembaran Imbangan di bawah tajuk "Harta Kumpulanwang Rizab Berkanun."
- (c) Wang tunai di tangan koperasi adalah terlalu tinggi terutamanya wang tunai terapung di kedai buku dan di kedai mahasiswa. Koperasi sekali lagi diingatkan untuk mematohi fasal 63(c)(i) Undang-undang Kecil Koperasi dan sekiranya undang-undang tersebut tidak lagi sesuai, koperasi hendaklah memindanya mengikut saluran tertentu.

3. Berpandukan kepada kuasa-kuasa yang diberi kepada Ketua Pendaftar di bawah seksyen 35A(3) Akta Koperasi Tahun 1948 (semakan 1983) dan tertakluk kepada perkara-perkara yang tersebut di atas, Lembaran Imbangan pada 30hb April 1983, Akaun Untungrugi Tahunan berakhir pada tarikh yang sama beserta dengan nota-nota yang mengiringinya adalah diluluskan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(MOHD TAJUDDIN  MOHD GHAZALLI)
Pengarah Audit dan Akaun,
b/p Ketua Pendaftar Koperasi-koperasi,
Malaysia.

s.k.

Ketua Pendaftar Koperasi-koperasi Malaysia, Kuala Lumpur.
Pengarah Pembangunan Koperasi Negeri, Pulau Pinang.
Pemeriksa Kira-kira Kanan Negeri, Pulau Pinang.
Pegawai Pembangunan Koperasi Pejabat Pulau Pinang.
Firma Juruaudit Ahmad Abdullah & Goh.

ari.